

**UCAPAN**  
**YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD. SALLEH**  
**KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALYASI**  
**SEMPENA**  
**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KORPORAT**  
**BERSAMA-SAMA DENGAN**  
**PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA**

**29 FEBRUARI 2016**  
**BERTEMPAT**  
**DEWAN PETRA SMK. SULTAN YAHYA PETRA 1, KUALA KRAI KELANTAN**

Yang Mulia Tengku Aminuddin Bin Tengku Yusoff  
Timbalan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Krai, Kelantan

Yang Berusaha Tuan Hj. Komarudin Abdullah  
Pengetua Cemerlang, SMK Sultan Yahya Petra 1

Yang Berusaha Puan Rahizan Binti Abd Rahman  
Penolong Kanan Pentadbiran SK Sultan Yahya Petra 1

Yang Berusaha Tuan Ir. Hj. Mohd Saleh Bin Santhiman  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Yang Berusaha Puan Zuraida Binti Shaharudin  
Pengarah Kanan Pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha En. Sazally Bin Saidi  
Timbalan YDP PSKLM

Pengarah-Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia,

Pegawai Kanan Syarikat-Syarikat Konsesi

Guru-guru SMK Sultan Yahya Petra 1

AJK Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia,

Tuan Puan dan Pelajar-pelajari yang dikasihi

Assalamualaikum wbt dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada SMK Sultan Yahya Petra 1 kerana membantu melancarkan program tanggungjawab sosial dan korporat Lembaga Lebuhraya Malaysia(LLM) dan Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia(PSKLM) pada hari ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia yang turut menyumbangkan dana program CSR ini.

Hadirin yang saya hormati,

2. Untuk makluman, LLM adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia yang bertanggungjawab untuk memastikan syarikat konsesi lebuhraya sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan selesa kepada pengguna lebuhraya. Pada hari ini, terdapat sebanyak 23 syarikat konsesi lebuhraya yang sebahagian besarnya menjalankan operasi di Lembah Klang. Syarikat-syarikat konsesi lebuhraya ini telah sepakat membentuk PSKLM bagi memudahkan pelarasan aktiviti-aktiviti untuk faedah bersama dan juga masyarakat.

3. Program CSR sebegini diwujudkan atas dasar untuk membantu dan memberi sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik dengan harapan sedikit sebanyak meringankan beban dan kesusahan yang ditanggung walaupun mereka berada jauh di kawasan jajaran lebuhraya. Ingin saya maklumkan bahawa sepanjang pelaksanaan CSR selama 5 tahun bermula 2011, LLM dan PSKLM telah menyampaikan sumbangan kepada pelbagai golongan penerima antaranya bantuan banjir kepada sekolah di Kedah, rumah jagaan golongan kurang upaya di Kedah dan Johor, program gotong-royong perkampungan orang asli dan taman tasik awam di Selangor, rumah jagaan warga emas di Selangor dan Melaka, rumah jagaan anak yatim di Pahang dan Negeri Sembilan serta keluarga berpendapatan rendah di Johor dan Perak. Disamping itu, tiga program kembali ke sekolah atau *Back To School* juga telah berjaya dilaksanakan sebelum ini iaitu di Gambang, Kuantan, Teluk Intan, Perak dan Kulim, Kedah.

Hadirin sekalian,

4. Untuk makluman pada 7 Mei 2015, LLM kali pertamanya telah memberi sumbangan sebanyak 65 unit komputer desktop terpakai secara hadiah bagi kegunaan pembelajaran dan latihan kepada sekolah ini. Saya dimaklumkan bahawa, kelengkapan komputer itu digunapakai sebaiknya oleh pihak sekolah dan ditempatkan di laluan yang dinamakan "Laluan Ilmu Lembaga Lebuhraya Malaysia'. Ianya sebagai kemudahan kepada para pelajar untuk mendapatkan maklumat dan bahan-bahan ilmiah yang diperlukan dalam pembelajaran kerana setiap komputer diberi akses internet.

Hadirin sekalian,

5. Kesenambungan kepada program CSR yang telah dijalankan pada tahun lepas, LLM bersama-sama pihak PSKLM sekali lagi terpanggil untuk memberi sumbangan kepada SMK Sultan Yahya Petra 1. Pada hari ini sebanyak 67 unit perabot dan kelengkapan pejabat terpakai secara hadiah akan diberikan kepada sekolah ini. Antara kelengkapan tersebut adalah meja komputer, kerusi, rak fail, kerusi settee. Selain itu, pada hari ini juga seramai 80 orang pelajar

miskin akan menerima sumbangan berjumlah RM100 dalam bentuk penyaluran peruntukan ke kedai asrama sekolah bagi memudahkan pelajar mendapatkan keperluan buku dan peralatan sekolah. Para pelajar tersebut juga akan menerima goodies bag sebentar lagi. Adalah diharapkan dengan sumbangan pada hari ini, ianya memberi keceriaan di samping membantu keluarga pelajar.

Hadirin yang dihormati,

6. Akhir kata, saya amat menggalakkan program murni ini diteruskan di masa –masa akan datang. Saya juga amat yakin program CSR sebegini berupaya menjalin perhubungan dengan pelbagai pihak. Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, terima kasih.